

**Nilai Bahasa Melayu sebagai Asas Jati Diri dalam Kalangan Pelajar  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

The Value of the Malay Language as The Basis of Self-Identity Among Students  
of the National University of Malaysia

Muhammad Norhazim Izman  
[norhazim@gmail.com](mailto:norhazim@gmail.com)

Zamri Mahamod\*  
[d-zam@ukm.edu.my](mailto:d-zam@ukm.edu.my)

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Lingkungan Ilmu,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

**Published:** 10 Ogos 2023

**To cite this article (APA):** Izman, M. N., & Mahamod, Z. (2023). Nilai Bahasa Melayu sebagai Asas Jati Diri dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia: The Value of the Malay Language as The Basis of Self-Identity Among Students of the National University of Malaysia. *PENDETA*, 14(2), 11–25. Retrieved from <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.2.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.2.2023>

## **ABSTRAK**

Jati diri (identiti) ialah asas penting yang berkembang menjadi kubu kuat identiti untuk manusia, komuniti dan negara. Justeru, kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah yang melibatkan 311 orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) daripada pelbagai program pengajian dan fakulti. Teori Pembangunan Manusia telah digunakan bagi melihat dan mengenal pasti nilai jati diri bahasa Melayu pelajar-pelajar UKM dalam pelbagai program pengajian dan fakulti masih kekal atau sudah luntur? Data dikumpulkan melalui instrumen borang soal selidik yang disebarkan melalui *Google Form*. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi tahap jati diri mengikut kategori fakulti dan tahun pengajian, tetapi mempunyai perbezaan yang ketara dalam tahap jati diri berdasarkan kaum dan jantina. Pelajar kaum Melayu lebih tinggi kekal jati dirinya berbanding kaum-kaum lain. Dari segi jantina, pelajar perempuan mempunyai tahap pemahaman dan penghayatan jati diri lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Pelajar lelaki pula mempunyai tahap pengamalan jati diri yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan. Rumusan daripada kajian ini ialah para pelajar UKM masih mengekalkan jati diri mereka dari aspek penguasaan Bahasa Melayu.

**Kata Kunci:** Bahasa Melayu; pemahaman; penghayatan; pengamalan; jati diri

## **ABSTRACT**

*Self-identity (identity) is an important foundation that develops into a stronghold of identity for people, communities and countries. Therefore, this quantitative study uses a simple random sampling method involving 311 students of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) from various study programs and faculties. Human Development Theory has been used to see and identify the value of the Malay language identity of UKM students in various study programs and faculties still remain or have faded? Data was collected through a questionnaire instrument distributed through Google Form. Data were analyzed descriptively and inferentially. The findings of the study show that there is no significant difference in terms of self-identity according to faculty category and year of study, but there are significant differences in self-identity based on race and gender. Malay students have a higher sense of identity than other races. In terms of gender, female students have a higher level of understanding and appreciation of identity than male students. Male students have a higher level of identity*

*practice than female students. The conclusion from this study is that UKM students still maintain their identity from the aspect of using the Malay language.*

**Keywords:** *Malay language; understanding; appreciation; practice; identity*

## **PENDAHULUAN**

Bahasa adalah alat atau medium penting yang membolehkan masyarakat berinteraksi sesama sendiri. Sesebuah tamadun atau negara yang maju adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah wujudnya bahasa dalam kalangan masyarakat. Peranan bahasa Melayu itu sendiri merangkumi dalam pelbagai aspek dan bidang termasuklah dalam pengucapan budaya. Bahasa sangat berkait rapat dengan jati diri seseorang. Nirwana Sudirman dan Zulkifley (2016) mengatakan bahawa bahasa adalah cerminan pemikiran dan kehidupan penutur. Sesebuah tamadun atau negara yang maju adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah wujudnya bahasa dalam kalangan masyarakat. Peranan bahasa Melayu itu sendiri merangkumi dalam pelbagai aspek dan bidang termasuklah dalam pengucapan budaya. Hal ini jelas menunjukkan bahasa telah memberi impak yang sangat besar dalam sesebuah peradaban, dan setiap komunikasi yang dijalankan dalam kalangan masyarakat tidak akan berjalan lancar sekiranya tiada pengetahuan yang jelas tentang bahasa.

Batu asas identiti diri, menurut Zamri et al. (2020), yang mencerminkan makna yang kuat yang terpahat kukuh dalam diri dan tidak boleh diganggu gugat adalah kekuatan dalaman (jiwa dan sentimen), ketabahan, keteguhan, dan sebagainya. Bahasa melambangkan sebuah masyarakat dan berperanan sebagai penentu corak lakuan anggota masyarakat. Bahasa menjadi alat komunikasi terpenting dalam masyarakat kerana dapat membentuk peradaban dan ilmu pengetahuan yang disampaikan. Ia menjadi alat untuk menyampaikan sesuatu perkara atau nilai seperti perasaan, gagasan, hasrat hati, keinginan dan sebagainya. Masyarakat Melayu secara khususnya boleh menerapkan nilai-nilai tersebut melalui kesusasteraan Melayu. Sastera Melayu tradisional mempunyai banyak faedah dan nilai pengajaran yang boleh diamalkan dan dilaksanakan dalam kehidupan masyarakat (Norazimah et al. 2017). Puisi Melayu masih relevan walaupun sudah merentasi zaman kerana budaya Melayu yang menerapkan nilai bertolak ansur dan sopan santun dalam kehidupan melambangkan peradaban masyarakat yang tinggi. Pendidikan anak-anak dari kecil sehingga remaja telah diajar untuk sentiasa menghormati dan mematuhi nilai dan peraturan menjadikan jati diri masyarakat terdahulu semakin utuh.

Beberapa ciri identiti sesebuah negara memisahkan satu kumpulan manusia daripada kumpulan yang lain. Sebagai contoh, sedikit variasi dalam sebutan dalam bahasa pertuturan sudah memadai untuk seseorang individu itu tergolong dalam golongan masyarakat yang lain. Bahasa adalah alat dan wahana untuk menjana dan sesebuah ingatan bangsa yang merupakan himpunan nilai sesuatu bangsa. Penjajahan minda akan berlaku apabila masyarakat mengubah bahasa pendidikan. Akibat daripada penjajahan minda tersebut, masyarakat akan berasa kagum dan bangga dengan budaya bahasa penjajahnya, seterusnya akan menyebabkan perubahan lakuan dan nilai jati mereka. Oleh itu, penerimaan bahasa sendiri dalam pendidikan mampu membebaskan mereka daripada unsur penjajahan minda. Satu bangsa yang berdaulat mempunyai perwatakan tersendiri seperti bahasa dan pertuturan. Bahasa negara Malaysia yang rasmi adalah bahasa Melayu dan tidak sepatutnya dipertikaikan lagi. Bahasa utama dalam sistem pendidikan negara telah dikembangkan penggunaannya, namun pengetahuan tentang kaitan dan peranannya dalam kehidupan seharian rakyat Malaysia masih belum mencukupi. Percubaan untuk memperkasakan bahasa Melayu secara progresif menghadapi pelbagai masalah, khususnya isu mentaliti masyarakat, yang sering meminimumkan penggunaan bahasa ibunda. Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda, seiring dengan pembinaan tamadun bangsa, semakin terancam oleh mentaliti segelintir golongan yang tidak mengendahkan peranannya terutamanya dalam pemerintahan negara (Ibrahim dan Maliati 2020). Sesungguhnya apabila subjek lain diajar dalam bahasa Inggeris seperti subjek sains dan matematik, taraf bahasa Melayu mula merosot.

Generasi moden membawa keyakinan kepada masyarakat terhadap masa depan negara. Namun begitu, intensiti jati diri dalam kalangan belia masa kini kerap dibincangkan dan membimbangkan masyarakat. Hal ini berikutan sifat keinginan generasi muda untuk mencuba sesuatu yang baru, yang mudah diikuti dan terpengaruh dengan budaya asing. Mereka tidak mempunyai kemahiran untuk menyaring dan menapis maklumat yang diterima terlebih dahulu mengakibatkan mudahnya pengaruh

luar bertapak di dalam masyarakat kita (Mohamed Ali dan Ayu Nor Azilah 2022). Setiap agama menyuruh penganutnya untuk sentiasa menghindarkan perkara yang mungkar dan hanya melakukan perkara yang baik, seterusnya memantapkan pembangunan sahsiah dalam masyarakat. Kajian Ramlah (2005) berkaitan kesedaran pelajar IPT terhadap maksud dan kepentingan Rukun Negara dalam kehidupan mereka. Hasil pemerolehan dan analisis data memperlihatkan hanya 70% responden dapat mengingati Rukun Negara dengan baik, dan selebihnya menunjukkan sebaliknya. Jelas di sini kelunturan jati diri dalam kalangan pelajar IPT di Malaysia telah berlaku secara drastik. Walau bagaimanapun, Zamri et al. (2017) mendapati bahawa tahap kesedaran jati diri dalam kalangan pelajar IPT masih pada aras yang tinggi. Maka, generasi muda saban tahun telah menunjukkan peningkatan dalam semangat jati diri dan cintakan negara.

### **JATI DIRI MELALUI BAHASA**

Asas jati diri, pada pendapat Zamri et al. (2020), terdiri daripada kemahuan, keazaman, ketabahan, dan segala sesuatu yang menyatakan makna yang kuat yang tersemat dalam diri dan tidak boleh digoyahkan. Oleh yang demikian, bahasa melambangkan sebuah masyarakat dan berperanan sebagai penentu corak lakuan anggota masyarakat. Terdapat beberapa kaum minoriti di negara ini, antaranya kaum Kadazan Dusun, Bidayuh, Iban dan sebagainya. Melayu, Cina, dan India membentuk tiga kaum utama atau majoriti. Bahasa rasmi iaitu bahasa Melayu telah ditetapkan oleh kerajaan bagi sesebuah kaum atau bangsa untuk berinteraksi dengan kaum yang lain dalam kalangan rakyat Malaysia. Bahasa Melayu telah dipilih sebagai representasi identiti kebangsaan penduduk Malaysia (Noor Azmira dan Nor Azlili 2019). Oleh itu, betapa pentingnya penggunaan bahasa Melayu di negara ini.

Seperti yang dinyatakan ayat 13 dalam surah al-Hujurat: “Bahasa menjadi penghubung ilmu dan keharmonian, sama ada di antara negara bersaudara, etnik, atau berlainan bangsa, bahasa menjadi alat yang membina persefahaman dan kebersamaan manusia”. Oleh itu, peri pentingnya bahasa kepada kita kerana apabila “hilangnya bahasa lenyaplah bangsa”. Dalam menyatakan idea dan kepercayaan, kepandaian, nilai dan kelebihan pendidikan dalam masyarakat Melayu, kesusasteraan Melayu tradisional boleh digunakan untuk menerapkan kepentingan jati diri dalam masyarakat (Norazimah et al. 2017). Perkembangan nilai jati diri melalui kesusasteraan Melayu seperti puisi Melayu, nilai “malu” dan “budi bahasa” secara khususnya boleh digunakan untuk memerhatikan bagaimana budaya Melayu mengekalkan tatasusilanya setelah berkurun lamanya (Shaharir 2023). Kaedah lama, khususnya dalam bidang mendidik anak-anak kecil sehingga remaja, memastikan nilai jati diri masyarakat Melayu masih ada sehingga kini dan masyarakat tradisional perlu berpegang kepada nilai sosial yang sesuai. Seniman-seniman terdahulu kerap menggunakan bahasa kiasan dalam lirik lagu yang membawa kepada maksud tersirat, menunjukkan betapa indah dan cantik susunan kata bahasa Melayu tersebut (Hairul Anuar dan Mohd Azam 2022).

Usaha untuk mempertahankan dan memartabatkan bahasa Melayu dan budaya Melayu adalah sangat mencabar, tambahan lagi sekiranya bermastautin di negara luar sebagai golongan minoriti. Situasi ini boleh dirujuk melalui analisis dan pemerhatian yang dilakukan oleh Mohamed Sabir et al. (2022) tentang cabaran masyarakat Melayu Muslim di Perth, Australia untuk mempertahankan dan sentiasa memastikan jati diri mereka sentiasa terbela. Kajian beliau memperlihatkan bahawa jati diri bahasa Melayu masyarakat di sana telah luntur. Hal ini disebabkan oleh penguasaan bahasa Melayu mereka lemah, buktinya anak-anak Melayu yang menetap di sana kini sudah tidak boleh berbahasa Melayu semakin meluas. Majoriti ibu bapa apabila berada di rumah memilih untuk tidak bercakap bahasa Melayu dengan anak-anak mereka. Kesannya dapat dilihat apabila semasa anak-anak ini berada di sekolah, mereka tidak mampu menuturkan bahasa Melayu walaupun masing-masing adalah bangsa Melayu. Presiden Pertubuhan Melayu Australia Barat, Hadi, menyarankan masyarakat Melayu di sana perlu menggembleng tenaga dan memberi sokongan serta terlibat dalam program yang diadakan demi memastikan bahasa dan budaya tidak luntur.

Dalam kajian tentang jati diri warganegara Malaysia yang pelbagai kaum dan hubungannya dengan bahasa Melayu oleh Zamri et al. (2020) menjelaskan warganegara Malaysia dalam semua kaum perlu memberi penekanan dan memupuk elemen-elemen jati diri agar pendidikan negara menjadi lebih baik. Penggunaan bahasa Melayu akan sentiasa digunakan oleh rakyat Malaysia dengan bangganya dan tidak akan berasa malu untuk menggunakannya sebagai bahasa rasmi sekiranya elemen-elemen jati diri tersebut terus dipupuk. Penggunaan bahasa Inggeris secara meluas akan memberikan kesan terhadap

status bahasa Melayu itu sendiri. Bahasa Melayu mesti dikuasai dalam segala aspek oleh semua kaum di Malaysia dengan cemerlang dari segi penguasaan dan kemahiran. Dapatan kajian mendapati bahawa rakyat Malaysia yang pelbagai bangsa ini masih mempunyai jati diri di tahap yang tinggi. Perkara ini membuktikan bahawa ketuhan bahasa Melayu masih kuat dalam diri bagi setiap kaum di Malaysia. Meskipun begitu, kecekapan berbahasa Inggeris dalam kalangan rakyat Malaysia boleh dibanggakan apabila mereka mampu untuk menguasai bahasa kedua.

Fenomena sosial seperti persaingan bahasa merupakan perkara yang tipikal dalam masyarakat berbilang bahasa. Ketulenan dan keunikan bahasa perlu dikekalkan bagi mengharungi zaman yang semakin maju dan mencabar. Perkembangan ini menjadi satu cabaran kepada masyarakat untuk mengekalkan keunikan tersebut sebagaimana dalam kajian Hidayah Shafiee et al. (2019) yang mendapati di media sosial penuh dengan penggunaan bahasa rojak. Maka, peranan media sosial khususnya media elektronik sering mempertontonkan dan memperdengarkan ungkapan “Bahasa Jiwa Bangsa” bagi menaikkan semangat rakyat Malaysia untuk terus mempertahankan identiti mereka. Ungkapan ini membawa satu matlamat yang besar iaitu ingin meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya bahasa kepada sesebuah negara. Pada era teknologi maklumat dan komunikasi, usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan memerlukan sokongan dan dedikasi masyarakat yang padu. Namun, bahasa rojak sering digunakan dalam kehidupan seharian kerana mereka terlalu sibuk dan tidak bertanggungjawab menggunakan media ini sehingga lalai, dakwa kajian ini. Kurangnya sikap peka terhadap bahasa Melayu yang semakin terhakis oleh segelintir masyarakat telah membawa kepada fenomena wujudnya penggunaan bahasa rojak secara meluas.

Kehidupan harian yang penuh dengan penggunaan bahasa rojak ini sangat sinonim dengan remaja khususnya para pelajar yang boleh dilihat dalam kajian Saidatul Khatijah (2021). Kemajuan teknologi yang pesat turut mendorong kepada penggunaan bahasa yang bercampur khususnya dalam aplikasi *Whatsapp*. Bahasa Melayu yang dianggap sebagai bahasa matriks akan digantikan dengan bahasa Inggeris. Ejaan yang disingkatkan daripada perkataan dan beberapa istilah yang dicampurkan jenisnya menghasilkan bahasa rojak, tidak hanya percampuran antara dua jenis bahasa yang utama semata-mata (Hidayah Shafiee et al., 2019). Kebiasaannya kemahiran penutur dalam penggunaan bahasa Inggeris berada pada tahap yang kurang baik, maka fenomena bahasa rojak tersebut akan berlaku dan terhasil.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Nilai bahasa Melayu sebagai asas jati diri dalam kalangan pelajar UKM merupakan matlamat kajian ini. Berikut merupakan objektif dan matlamat kajian:

- 1) Mengetahui tahap nilai bahasa Melayu sebagai asas jati diri pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dalam pelbagai aliran.
- 2) Mengetahui dan menganalisis perbezaan tahap nilai bahasa Melayu sebagai asas jati diri pelajar universiti pelbagai aliran melalui pemahaman, penghayatan dan pengamalan.
- 3) Mengetahui dan menganalisis hubungan tahap nilai bahasa Melayu sebagai asas jati diri pelajar universiti pelbagai aliran melalui pemahaman, penghayatan dan pengamalan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Teknik dan pendekatan yang terpapar dalam penyelidikan ini akan dibincangkan dalam bahagian ini. Secara ringkasnya, fokus penyelidikan ini adalah melihat sejauh manakah kesedaran nilai bahasa Melayu dalam diri pelajar-pelajar UKM pelbagai program pengajian dan fakulti. Bagi menjawab persoalan kajian, pendekatan kuantitatif digunakan yang merujuk kepada reka bentuk kajian. Kaedah tinjauan digunakan untuk menjalankan penyiasatan secara deskriptif. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data seragam yang cekap dan mudah.

## Sampel Kajian

Pemilihan secara rawak mudah berdasarkan sampel kajian digunakan dalam kajian ini. Pengkaji berbincang dengan pihak Dekan Fakulti bagi setiap fakulti yang ada di Universiti Kebangsaan Malaysia untuk mendapatkan seramai 300 orang pelajar pelbagai program dan tahun pengajian. Soal selidik ini disebarikan melalui 'Google Form'. Justifikasi pemilihan pelajar-pelajar daripada pelbagai fakulti ini adalah bertujuan untuk melihat sama ada pelajar masih mengekalkan jati diri bahasa Melayu dalam diri walaupun berbeza bidang pengajian. Terdapat sembilan buah fakulti yang terlibat, iaitu:

1. Fakulti Pendidikan (FPEND)
2. Fakulti Sains dan Teknologi (FST)
3. Fakulti Undang-undang (FUU)
4. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)
5. Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM)
6. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP)
7. Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB)
8. Fakulti Pengajian Islam (FPI)
9. Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU)

## INSTRUMEN KAJIAN

Bagi mengumpul maklumat bagi kajian ini selaras dengan matlamatnya, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila jumlah saiz sampel yang ditentukan adalah besar, maka instrumen soal selidik amat sesuai digunakan. Pengkaji perlu menyediakan satu set soal selidik yang berkaitan berdasarkan kajian-kajian terdahulu bagi mengumpul data dan maklumat yang hendak dikaji. Pengkaji akan menganalisis pemboleh ubah dalam kajian berdasarkan maklumat yang diterima terhadap pertanyaan-pertanyaan tersebut yang terdapat dalam soal selidik.

Pengkaji menggunakan Skala Likert yang mempunyai lima kategori mengikut skala aras sebagai rujukan untuk membina soal selidik yang perlu dijawab oleh responden. Bahagian A dan bahagian B membentuk dua bahagian utama soal selidik ini dengan menggunakan 'Google Form'. Bahagian A mengandungi maklumat tentang demografi responden manakala bahagian B terbahagi kepada tiga elemen, iaitu pemahaman, penghayatan dan pengamalan.

Borang soal selidik ini mempunyai 30 soalan daripada tiga aspek jati diri berdasarkan elemen bahasa. Terdapat 10 item pemahaman, 10 item penghayatan dan 10 item pengamalan jati diri pelajar bagi elemen bahasa tersebut. Pengkaji membina instrumen kajian skala Likert 10 mata berasaskan kajian Zamri et al. (2017) dengan mengambil dan mengolah mengikut kesesuaian. Skala ini terdiri daripada skala 9 hingga 10 adalah kekal jati diri, skala 6 hingga 8 adalah masih kekal jati diri, skala 4 hingga 5 adalah mula luntur jati diri dan tahap terakhir adalah luntur jati diri pada skala 1 hingga 3. Skala Likert 10 mata digunakan adalah kerana menurut John Dawes (2008) responden lebih selesa dan menyukai soalan yang mempunyai banyak pilihan.

Jadual 1: Skala Min mengikut Tahap

Tahap Interpretasi Min	Skor Min
Kekal jati diri	9.00 hingga 10.00
Masih kekal jati diri	6.00 hingga 8.99
Mula luntur jati diri	3.00 hingga 5.99
Luntur jati diri	1.00 hingga 2.99

Sumber: Chua Yan Piaw (2014)

## ANALISIS DATA

Prosedur penganalisan data dijalankan berdasarkan objektif yang telah pengkaji paparkan. Pengkaji akan melakukan analisis terhadap maklumat yang berkaitan diperolehi. Perisian SPSS versi 26 diguna pakai dalam kajian ini untuk menganalisis secara deskriptif dan inferensi data soal selidik tersebut.

Menurut Azizi et al. (2007), kaedah yang digunakan untuk mengupas data atau maklumat sampel dan populasi yang diperoleh adalah kaedah statistik deskriptif yang merangkumi kiraan min dan sisihan piawai bagi setiap item atau konstruk. Jumlah bagi semua poin dan membahagikannya dengan jumlah markah, min bagi sesuatu markah ditentukan.

Soal selidik akan dianalisis menggunakan analisis deskriptif bagi menjawab objektif pertama. Data yang diperoleh berdasarkan objektif kedua dan ketiga pula akan dianalisis oleh pengkaji melalui analisis Kruskal Wallis H, ujian Mann-Whitney U dan ujian korelasi. Bagi menjawab persoalan kedua kajian, pengkaji telah membentuk dua hipotesis nol ( $H_{01}$  dan  $H_{02}$ ) dengan aras kesignifikan  $P= 0.05$  pada ketiga-tiga tahap jati diri untuk diuji. Walau bagaimanapun, data-data yang diperoleh dalam kajian ini adalah tidak normal (bukan parametrik) iaitu  $P < 0.05$ , maka analisis Kruskal Wallis H diguna pakai bagi ujian ANOVA, manakala ujian Mann-Whitney U menggantikan ujian-t.

Dua hipotesis nol ( $H_{01}$  dan  $H_{02}$ ) dengan aras kesignifikan  $P= 0.05$  pada ketiga-tiga tahap jati diri untuk diuji turut dibentuk bagi menjawab persoalan ketiga kajian. Berdasarkan hipotesis tersebut, pengkaji menggunakan ujian korelasi untuk mengenal pasti perkaitan di antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Selain itu, ujian ini juga dilakukan bagi melihat hubungan korelasi melalui aras kekuatan nilai pekali korelasi sama ada lemah atau kuat dan positif atau negatif.

Pelaporan dapatan kajian kemudiannya dihuraikan menggunakan format kajian kuantitatif, dengan penerangan dan huraian mendalam tentang dapatan data yang diperoleh daripada data soal selidik. Pelaporan dapatan kajian juga digunakan untuk interpretasi keputusan dan juga merangkumi tafsiran dapatan kajian. Pentafsiran hasil kajian dilakukan bagi memberi justifikasi yang lebih menyeluruh terhadap rumusan yang telah dibuat, yang meningkatkan kebolegunaan kajian. Pengkaji menyatakan pandangan peribadinya, meneliti fakta, dan kemudian membuat kaitan antara dapatan kajian dan tinjauan literatur.

## **DAPATAN KAJIAN**

Secara umumnya, penganalisan data dalam sesuatu kajian akan dibincangkan dalam bahagian ini. Berdasarkan objektif kajian, hasil penganalisan data kajian akan dikemukakan oleh pengkaji.

## **DEMOGRAFI RESPONDEN KAJIAN**

Berdasarkan Jadual 2, seramai 311 orang responden mengambil bahagian dalam kajian ini. Responden pelajar perempuan menunjukkan 50.2%, iaitu seramai 156 orang didapati lebih banyak berbanding dengan responden pelajar lelaki iaitu seramai 155 orang (49.8%). Bagi bangsa, majoriti responden adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 208 orang (66.9%), diikuti oleh Cina seramai 41 orang (13.2%), India seramai 34 orang (10.9%), Bumiputera (Sabah/Sarawak) seramai 19 orang (10.9%), dan lain-lain seramai 9 orang (2.9%). Selain itu, bagi fakulti, majoriti responden terdiri dari Fakulti Sains dan Teknologi iaitu seramai 37 orang (11.9%), diikuti oleh Pusat Pengajian Citra Universiti seramai 36 (11.6%), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat mempunyai nilai yang sama iaitu 35 orang (11.3%), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina mempunyai 34 orang (10.9%), dan Fakulti Undang-undang serta Fakulti Pengajian Islam seramai 33 orang (10.6%).

Bagi tahun pengajian pula, majoriti responden adalah tahun 1 seramai 153 orang (49.2%), diikuti oleh responden tahun 3 seramai 77 orang (24.8%), tahun 2 seramai 65 orang (20.9%), dan tahun 4 seramai 15 orang (5.1%). Akhir sekali bagi tahap pencapaian bahasa Melayu, majoriti responden memperoleh gred A- iaitu seramai 124 orang (39.9%), diikuti oleh gred A seramai 93 orang (29.9%), gred A+ seramai 50 orang (16.1%), gred B+ seramai 34 orang (10.9%), gred B seramai 8 orang (2.6%), dan gred C+ seramai 2 orang (0.6%).

**Jadual 2:** Data Demografi Responden

Demografi	Kategori	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>	Lelaki	155	49.8
	Perempuan	156	50.2
<b>Bangsa</b>	Melayu	208	66.9
	Cina	41	13.2
	India	34	10.9
	Bumiputera (Sabah/Sarawak)	19	6.1
	Lain-lain	9	2.9
<b>Fakulti</b>	Fakulti Sains dan Teknologi	37	11.9
	Fakulti Undang-undang	33	10.6
	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	34	10.9
	Fakulti Pendidikan	34	10.9
	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	35	11.3
	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina	34	10.9
	Pusat Pengajian Citra Universiti	36	11.6
	Fakulti Pengajian Islam	33	10.6
	Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat	35	11.3
<b>Tahun Pengajian</b>	1	153	49.2
	2	65	20.9
	3	77	24.8
	4	16	5.1
<b>Tahap Pencapaian Bahasa Melayu</b>	A+	50	16.1
	A	93	29.9
	A-	124	39.9
	B+	34	10.9
	B	8	2.6
	C+	2	0.6

#### TAHAP NILAI BAHASA MELAYU SEBAGAI ASAS JATI DIRI PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DALAM PELBAGAI ALIRAN

Bagi menjawab persoalan kedua kajian, pengkaji telah membentuk dua hipotesis nol ( $H_01$  dan  $H_02$ ) dengan aras kesignifikan  $P= 0.05$  pada ketiga-tiga tahap jati diri untuk diuji. Jadual 3, 4 dan 5 menunjukkan tahap nilai bahasa Melayu sebagai asas jati diri pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dalam pelbagai aliran. Berdasarkan data yang diperolehi daripada responden, Jadual 3 memaparkan tahap pemahaman pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dalam pelbagai aliran terhadap nilai bahasa Melayu berada pada tahap masih kekal jati diri dengan purata keseluruhan min sebanyak 8.90 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.71. Item 1, iaitu ‘Memahami bahasa kebangsaan negara Malaysia adalah bahasa Melayu’ mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu min= 9.23 dan sisihan piawai= 1.57. Item 8, iaitu ‘Memahami bahawa saya mampu mendapatkan pekerjaan melalui penguasaan bahasa Melayu’ mempunyai nilai min yang terendah iaitu min= 8.48 dan sisihan piawai= 1.71.

**Jadual 3:** Tahap Pemahaman Jati Diri Bahasa Melayu Pelajar UKM

Bil	Item Pemahaman	Statistik Deskriptif		Tahap
		Min	Sisihan Piawai	
1	Memahami bahasa kebangsaan negara Malaysia adalah bahasa Melayu	9.23	1.57	Kekal Jati Diri
2	Memahami bahasa rasmi dalam pentadbiran negara adalah bahasa Melayu	9.17	1.62	Kekal Jati Diri
3	Memahami bahasa ilmu/bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan adalah bahasa Melayu	8.90	1.91	Masih Kekal Jati Diri
4	Memahami bahasa perpaduan rakyat berbilang kaum adalah bahasa Melayu	9.08	1.59	Kekal Jati Diri
5	Memahami bahawa bahasa Melayu dengan baik perlu dikuasai oleh semua rakyat Malaysia	9.14	1.56	Kekal Jati Diri
6	Memahami bahawa rakyat Malaysia berbilang bangsa, bahasa dan agama dapat disatukan melalui bahasa Melayu	8.93	1.69	Masih Kekal Jati Diri
7	Memahami bahawa bahasa asing yang lain (bahasa Inggeris) mempunyai taraf yang sama seperti bahasa Melayu	8.64	1.92	Masih Kekal Jati Diri
8	Memahami bahawa saya mampu mendapatkan pekerjaan melalui penguasaan bahasa Melayu	8.48	1.71	Masih Kekal Jati Diri
9	Memahami bahawa saya mampu melanjutkan pelajaran melalui penguasaan bahasa Melayu	8.59	1.74	Masih Kekal Jati Diri
10	Memahami bahawa saya dapat berkomunikasi dengan rakan pelbagai kaum melalui penguasaan bahasa Melayu	8.81	1.75	Masih Kekal Jati Diri
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>8.90</b>	<b>1.71</b>	<b>Masih Kekal Jati Diri</b>

Jadual 4 menunjukkan tahap penghayatan jati diri bahasa Melayu pelajar-pelajar UKM berada pada tahap masih kekal jati diri dengan purata keseluruhan min sebanyak 8.81 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.66. Item 8, iaitu 'Percaya bahawa semua rakyat Malaysia perlu menguasai Bahasa Melayu' mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu min= 8.99 dan piawai 1.51. Item 10 iaitu, 'Yakin bahawa Bahasa Melayu boleh bersaing dengan Bahasa Inggeris/bahasa utama' mempunyai nilai min yang terendah iaitu min=8.57 dan piawai 1.93.

**Jadual 4:** Tahap Penghayatan Jati Diri Bahasa Melayu Pelajar UKM

Bil	Item Penghayatan	Statistik Deskriptif		Tahap
		Min	Sisihan Piawai	
1	Bahasa Melayu dituturkan dengan lebih selesa berbanding bahasa asing	8.88	1.60	Masih Kekal Jati Diri
2	Bahasa Melayu dituturkan dengan perasaan bangga dalam pertuturan seharian	8.91	1.51	Masih Kekal Jati Diri
3	Berbangga menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan seharian	8.84	1.61	Masih Kekal Jati Diri
4	Berbangga bahasa perantaraan pelbagai kaum di Malaysia adalah bahasa Melayu	8.91	1.54	Masih Kekal Jati Diri
5	Sedar bahawa semangat perpaduan seseorang akan lebih kuat jika cinta akan bahasa Melayu	8.79	1.72	Masih Kekal Jati Diri
6	Percaya bahawa ketika berkomunikasi tidak wajar dicampur aduk dengan bahasa Inggeris	8.61	1.80	Masih Kekal Jati Diri



dengan bahasa Melayu

7	Berpendapat bahawa bahasa Melayu lebih mudah dituturkan/dikuasai berbanding Bahasa Inggeris/bahasa lain	8.86	1.61	Masih Kekal Jati Diri
8	Percaya bahawa semua rakyat Malaysia perlu menguasai bahasa Melayu	8.99	1.51	Masih Kekal Jati Diri
9	Berpendapat bahawa bahasa Melayu boleh dijadikan bahasa antarabangsa/ ASEAN	8.76	1.73	Masih Kekal Jati Diri
10	Yakin bahawa bahasa Melayu boleh bersaing dengan bahasa Inggeris/bahasa utama	8.57	1.93	Masih Kekal Jati Diri
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>8.81</b>	<b>1.66</b>	<b>Masih Kekal Jati Diri</b>

Jadual 5 menunjukkan tahap pengamalan jati diri bahasa Melayu pelajar-pelajar UKM berada pada tahap masih kekal jati diri dengan purata keseluruhan min sebanyak 8.44 dan nilai sisihan piawai sebanyak 1.82. Item 5, iaitu 'Berusaha meningkatkan mutu penguasaan lisan/bertutur Bahasa Melayu' menunjukkan min yang tertinggi iaitu min=8.87 dan piawai 1.57. Item 2, iaitu 'Komunikasi harian dan pengajaran/ pembelajaran tidak menggunakan bahasa campuran' menunjukkan min terendah iaitu min=7.64 dan piawai=2.18.

**Jadual 5:** Tahap Pengamalan Jati Diri Bahasa Melayu Pelajar UKM

Bil	Item Pengamalan	Statistik Deskriptif		Tahap
		Min	Sisihan Piawai	
1	Pengajaran/pembelajaran menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya	7.96	2.04	Masih Kekal Jati Diri
2	Komunikasi harian dan pengajaran/ pembelajaran tidak menggunakan bahasa campuran	7.64	2.18	Masih Kekal Jati Diri
3	Bertutur dengan sopan ketika menggunakan bahasa Melayu	8.64	1.70	Masih Kekal Jati Diri
4	Menulis dengan menggunakan bahasa Melayu yang tepat/betul	8.78	1.60	Masih Kekal Jati Diri
5	Berusaha meningkatkan mutu penguasaan lisan/bertutur bahasa Melayu	8.87	1.57	Masih Kekal Jati Diri
6	Berusaha meningkatkan mutu penguasaan membaca bahasa Melayu	8.82	1.58	Masih Kekal Jati Diri
7	Berusaha meningkatkan mutu penguasaan menulis bahasa Melayu	8.83	1.55	Masih Kekal Jati Diri
8	Menggunakan bahasa Melayu yang betul/ formal dalam situasi rasmi	8.84	1.63	Masih Kekal Jati Diri
9	Menggunakan bahasa Melayu yang betul/ formal dalam situasi tidak rasmi	8.36	2.03	Masih Kekal Jati Diri
10	Menonton siaran berbahasa Melayu berbanding siaran bahasa lain	7.70	2.36	Masih Kekal Jati Diri
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>8.44</b>	<b>1.82</b>	<b>Masih Kekal Jati Diri</b>

#### **PERBEZAAN TAHAP NILAI BAHASA MELAYU SEBAGAI ASAS JATI DIRI PELAJAR UNIVERSITI PELBAGAI ALIRAN MELALUI PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN BERDASARKAN JANTINA**

Jadual 6 menunjukkan Ujian Mann-Whitney U perbezaan tahap jati diri berdasarkan jantina. Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemahaman nilai bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia setelah ujian Mann-Whitney U dilakukan iaitu bagi pelajar perempuan ( $M= 165.99$ ) dan pelajar lelaki ( $M= 145.95$ ),  $P= 0.047$ . Oleh yang demikian,  $H_0$  ( $H$  null) ditolak. Seterusnya, terdapat

perbezaan yang signifikan terhadap penghayatan nilai bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia setelah ujian Mann-Whitney U dilakukan, iaitu bagi pelajar perempuan ( $M= 167.63$ ) dan pelajar lelaki ( $M= 144.29$ ),  $P= 0.020$ . Oleh yang demikian,  $H_0$  (H null) ditolak. Akhir sekali, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengamalan nilai bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia setelah ujian Mann-Whitney U dilakukan iaitu bagi pelajar perempuan ( $M= 151.10$ ) dan pelajar lelaki ( $M= 160.93$ ),  $P= 0.331$ . Oleh yang demikian,  $H_0$  (H null) diterima.

**Jadual 6:** Ujian Mann-Whitney U perbezaan Tahap Jati Diri Berdasarkan Jantina

	Jantina	N	Min Rank (M)	Sig.p
Tahap Pemahaman	Lelaki	155	145.95	0.047
	Perempuan	156	165.99	
Tahap Penghayatan	Lelaki	155	144.29	0.020
	Perempuan	156	167.63	
Tahap Pengamalan	Lelaki	155	160.93	0.331
	Perempuan	156	151.10	

**PERBEZAAN TAHAP NILAI BAHASA MELAYU SEBAGAI ASAS JATI DIRI PELAJAR UNIVERSITI PELBAGAI ALIRAN MELALUI PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN BERDASARKAN BANGSA**

Jadual 7 menunjukkan Ujian Kruskal Wallis H perbezaan tahap jati diri berdasarkan bangsa. Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemahaman nilai bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia setelah ujian Kruskal Wallis H dilakukan iaitu bagi Melayu ( $M= 173.31$ ), Cina ( $M= 89.15$ ), India ( $M= 137.71$ ), Bumiputera (Sabah/Sarawak) ( $M= 103.87$ ) dan Lain-lain ( $M= 239.72$ );  $P= 0.000$ . Oleh yang demikian,  $H_0$  (H null) ditolak. Seterusnya, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penghayatan nilai bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia setelah ujian Kruskal Wallis H dilakukan iaitu bagi Melayu ( $M= 185.71$ ), Cina ( $M= 73.02$ ), India ( $M= 121.10$ ), Bumiputera (Sabah/Sarawak) ( $M= 81.74$ ) dan Lain-lain ( $M= 135.89$ );  $P= 0.000$ . Oleh yang demikian,  $H_0$  (H null) ditolak. Akhir sekali, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penghayatan nilai bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia setelah ujian Kruskal Wallis H dilakukan iaitu bagi Melayu ( $M= 170.51$ ), Cina ( $M= 105.56$ ), India ( $M= 145.34$ ), Bumiputera (Sabah/Sarawak) ( $M= 101.74$ ) dan Lain-lain ( $M= 205.17$ );  $P= 0.000$ . Oleh yang demikian,  $H_0$  (H null) ditolak.

**Jadual 7:** Ujian Kruskal Wallis H Perbezaan Tahap Jati Diri Berdasarkan Bangsa

	Bangsa	N	Min rank (M)	Asymp. Sig (P)
Min Pemahaman	Melayu	208	173.31	0.000
	Cina	41	89.15	
	India	34	137.71	
	Bumiputera (Sabah/Sarawak)	19	103.87	
	Lain-lain	9	239.72	
Min Penghayatan	Melayu	208	185.71	0.000
	Cina	41	73.02	
	India	34	121.10	
	Bumiputera (Sabah/Sarawak)	19	81.74	
	Lain-lain	9	135.89	
Min Pengamalan	Melayu	208	170.51	0.000
	Cina	41	105.56	
	India	34	145.34	
	Bumiputera (Sabah/Sarawak)	19	101.74	
	Lain-lain	9	205.17	

**HUBUNGAN ANTARA TAHAP PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN DENGAN TAHAP PENCAPAIAN BAHASA MELAYU SPM/STPM**

Bagi menjawab persoalan ketiga kajian, pengkaji telah membentuk dua hipotesis nol ( $H_01$  dan  $H_02$ ) dengan aras kesignifikan  $P= 0.05$  pada ketiga-tiga tahap jati diri untuk diuji. Chua (2014) membina aras kekuatan nilai pekali korelasi yang menentukan hubungan korelasi.

**Jadual 8:** Aras kekuatan nilai pekali korelasi

Saiz Pekali Korelasi ( $r$ )	Kekuatan Korelasi
0.00	Tiada Korelasi
0.01 hingga 0.30 atau -0.01 hingga -0.30	Sangat Lemah
0.31 hingga 0.50 atau -0.31 hingga -0.50	Lemah
0.51 hingga 0.70 atau -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.71 hingga 0.90 atau -0.71 hingga -0.90	Kuat
0.91 hingga 1.00 atau -0.91 hingga -1.00	Sangat kuat

Jadual 9 menunjukkan korelasi antara tahap jati diri bahasa Melayu pelajar dengan tahap pencapaian bahasa Melayu SPM/STPM. Data menunjukkan terdapat perkaitan yang ketara dengan nilai  $P = 0.000$  ( $P < 0.05$ ) antara tahap pemahaman bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tahap pencapaian Bahasa Melayu SPM atau STPM. Kedua-dua faktor tersebut mempunyai hubungan yang sangat lemah iaitu nilai  $r = 0.214$ . Dapat disimpulkan bahawa nilai tahap pencapaian bahasa Melayu SPM atau STPM yang semakin tinggi mewakili kepada perhubungan pekali yang positif, maka semakin tinggi tahap pemahaman nilai bahasa Melayu pelajar-pelajar tersebut. Namun, perhubungannya sangat lemah. Hasil analisis korelasi ini merumuskan bahawa  $H_01$  ditolak.

Seterusnya, terdapat hubungan yang signifikan dengan nilai  $P = 0.000$  ( $P < 0.05$ ) antara tahap penghayatan bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tahap pencapaian bahasa Melayu SPM atau STPM. Kedua-dua faktor tersebut mempunyai hubungan yang sangat lemah iaitu nilai  $r = 0.270$ . Dapat disimpulkan bahawa nilai tahap pencapaian Bahasa Melayu SPM atau STPM yang semakin tinggi mewakili kepada perhubungan pekali yang positif, maka semakin tinggi tahap penghayatan nilai bahasa Melayu pelajar-pelajar tersebut. Namun, perhubungannya sangat lemah. Hasil analisis korelasi ini merumuskan bahawa  $H_01$  ditolak.

Terdapat hubungan yang signifikan dengan nilai  $P = 0.000$  ( $P < 0.05$ ) antara tahap pemahaman bahasa Melayu pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dengan tahap pencapaian Bahasa Melayu SPM atau STPM. Kedua-dua faktor tersebut mempunyai hubungan yang sangat lemah, iaitu nilai  $r = 0.141$ . Dapat disimpulkan bahawa nilai tahap pencapaian bahasa Melayu SPM atau STPM yang semakin tinggi mewakili kepada perhubungan pekali yang positif, maka semakin tinggi tahap pengamalan nilai bahasa Melayu pelajar-pelajar tersebut. Namun, perhubungannya sangat lemah. Hasil analisis korelasi ini merumuskan bahawa  $H_01$  ditolak.

**Jadual 9:** Korelasi antara Tahap Jati Diri Bahasa Melayu Pelajar dengan Tahap Pencapaian Bahasa Melayu SPM/STPM

Korelasi			Tahap Pencapaian Bahasa Melayu SPM/STPM
Spearman's rho	Min Pemahaman	Pekali Korelasi ( $r$ )	0.214
		Sig. (2-tailed) ( $P$ )	0.000
		N	311
	Min Penghayatan	Pekali Korelasi ( $r$ )	0.270
		Sig. (2-tailed) ( $P$ )	0.000
		N	311
	Min Pengamalan	Pekali Korelasi ( $r$ )	0.141
		Sig. (2-tailed) ( $P$ )	0.013
		N	311

## **PERBINCANGAN**

Fokus perbincangan adalah berkaitan dengan tahap nilai bahasa Melayu sebagai asas jati diri pelajar-pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dalam pelbagai aliran, perbezaan tahap nilai bahasa Melayu sebagai asas jati diri pelajar universiti pelbagai aliran melalui pemahaman, penghayatan dan pengamalan, dan hubungan tahap nilai bahasa Melayu sebagai asas jati diri pelajar universiti pelbagai aliran melalui pemahaman, penghayatan dan pengamalan.

### **TAHAP NILAI BAHASA MELAYU SEBAGAI ASAS JATI DIRI PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DALAM PELBAGAI ALIRAN**

Secara keseluruhannya, dapatan kajian memaparkan bahawa tahap pemahaman masih berada pada tahap masih kekal jati diri bagi pelajar UKM terhadap nilai bahasa Melayu. Item “memahami bahasa kebangsaan negara Malaysia adalah bahasa Melayu” merupakan min tertinggi yang dicatat. Termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, iaitu perisytiharan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan kebangsaan. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa para pelajar mengetahui dan memahami kedudukan bahasa Melayu di aras yang tinggi di Malaysia. Item “memahami saya akan mendapatkan pekerjaan sekiranya menguasai bahasa Melayu” dan “memahami saya dapat melanjutkan pelajaran dengan menguasai bahasa Melayu” mencatatkan markah yang rendah, meskipun berada pada aras masih kekal jati diri. Pihak-pihak berkaitan perlu memandang serius terhadap perkara ini yang mungkin mendatangkan masalah. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Malaysia terutamanya para belia dan para pelajar tidak mempunyai keyakinan untuk melanjutkan pelajaran atau diterima bekerja dengan bantuan hanya menguasai bahasa Melayu semata-mata. Pada masa kini, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin lebih diberikan keutamaan.

Dapatan kajian memaparkan bahawa tahap penghayatan masih berada pada tahap masih kekal jati diri bagi pelajar UKM terhadap nilai bahasa Melayu. Data tersebut menunjukkan bahawa penghayatan yang tinggi pada nilai bahasa Melayu dalam kalangan pelajar UKM. Item “percaya bahawa semua rakyat Malaysia perlu menguasai bahasa Melayu” merupakan min tertinggi yang dicatat. Sekiranya masih wujud rakyat Malaysia yang sukar untuk menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, maka pihak luar akan mudah mencampuri urusan dan memperlekehkan negara kita. Segala urusan negara perlu mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu yang dominan dalam negara ini dengan sokongan masyarakat dengan menjunjung prinsip asas anjakan yang berlaku. Walau bagaimanapun, terdapat satu item yang masih berada pada tahap yang agak membimbangkan walaupun masih kekal jati diri iaitu item “yakin bahawa bahasa Melayu boleh bersaing dengan bahasa Inggeris/bahasa utama”. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa masih segelintir masyarakat Malaysia mempunyai keyakinan yang kurang terhadap kemampuan bahasa Melayu itu sendiri. Pihak kerajaan terutamanya perlu untuk menstrukturkan semula akta mengenai kepentingan bahasa kebangsaan dalam perkara yang berkaitan. Proses memartabatkan bahasa ini amat penting akibat pengaruh bahasa yang dilunturkan oleh penjajah secara meluas ketika zaman penjajah sehingga menjadi bahasa yang vernakular.

Tahap pengamalan masih berada pada tahap masih kekal jati diri bagi pelajar UKM terhadap nilai bahasa Melayu. Data tersebut menunjukkan pengamalan yang tinggi pada nilai bahasa Melayu dalam kalangan pelajar UKM. Item “berusaha meningkatkan mutu penguasaan lisan/bertutur Bahasa Melayu” merupakan min tertinggi yang dicatat. Perkara ini memperlihatkan bahawa para pelajar kini menunjukkan minat untuk mempelajari dan berusaha meningkatkan mutu bahasa Melayu mereka. Terdapat satu item yang masih berada pada tahap yang agak membimbangkan walaupun masih kekal jati diri iaitu item “tidak menggunakan bahasa campuran dalam komunikasi harian dan pengajaran/pembelajaran”. Para pelajar agak susah untuk menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya semasa berkomunikasi atau semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung tanpa ada percampuran bahasa lain. Hal ini dikatakan demikian kerana rata-rata masyarakat Malaysia mampu untuk mengungkapkan bahasa lebih daripada satu disebabkan oleh negara ini mempunyai masyarakat majmuk dengan identiti rakyatnya yang pelbagai bangsa, budaya dan bahasa.

### **PERBEZAAN TAHAP NILAI BAHASA MELAYU SEBAGAI ASAS JATI DIRI PELAJAR UNIVERSITI PELBAGAI ALIRAN MELALUI PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN BERDASARKAN JANTINA**

Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian Mann-Whitney U terhadap tahap pemahaman dan penghayatan berdasarkan jantina, manakala tahap pengamalan tidak menunjukkan perbezaan. Jantina perempuan menunjukkan statistik yang lebih baik dalam konteks pemahaman dan penghayatan berbanding lelaki. Perempuan lebih mudah untuk menukar bahasa atau dialek mereka mengikut situasi dan persekitaran semasa, tetapi lelaki masih mengalami kesukaran. Sebagai contoh, seorang pelajar yang berasal daripada Kelantan masih menggunakan dialek Kelantan semasa dalam kelas. Hal ini menunjukkan pengaruh kuat dialek negeri masing-masing telah menyukarkan pelajar tersebut untuk beradaptasi dengan persekitaran. Kebiasaannya lelaki akan lebih berterus terang jika hendak menyapa untuk bertanya sesuatu atau mengucapkan sesuatu perkara, manakala perempuan pula menggunakan ayat yang sopan. Sebagai contoh situasi untuk menanyakan soalan, lelaki menggunakan ayat seperti 'Boleh saya tanya?' dan perempuan pula menggunakan ayat seperti 'maaf, boleh saya tanya?'. Hal ini jelas membuktikan bahawa perempuan bersifat sopan dan lemah lembut manakala lelaki lebih kepada berterus terang dan *direct*.

### **PERBEZAAN TAHAP NILAI BAHASA MELAYU SEBAGAI ASAS JATI DIRI PELAJAR UNIVERSITI PELBAGAI ALIRAN MELALUI PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN BERDASARKAN BANGSA**

Variasi bahasa dalam kalangan masyarakat menunjukkan keunikan tersendiri, tetapi perbezaan tersebut telah mendatangkan kesan kepada proses pembelajaran dan pengajaran berkaitan penggunaan bahasa. Penggunaan variasi bahasa ini lebih banyak membawa kesan negatif berbanding positif (Zamri 2016). Terdapat beberapa kesan negatif yang boleh diuraikan, antaranya ialah kesalahan bahasa, pengaruh dialek, pertukaran dan percampuran kod, dan sebagainya. Terdapat beberapa masalah yang timbul kesan terhadap pemerolehan bahasa pertama dan kedua yang berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda. Melalui isu dan contoh yang telah dikemukakan, terdapat beberapa implikasi dalam bidang pendidikan, contohnya keberkesanan pengajaran dan pembelajaran pada tahap minimum. Oleh kerana guru dan pelajar menggunakan bahasa ibunda mereka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, namun pemerolehan tidak akan mendatangkan hasil. Akibatnya, pembelajaran bahasa Melayu tidak dapat disampaikan dengan baik dan pelajar akan kurang faham. Menurut Nuradlin Syafini dan Zaleha (2020), mereka akan menjadi pasif, mendiamkan diri supaya guru tidak bertanya soalan kepada mereka. Pengaruh bahasa ibunda dalam proses mengajar dan belajar akan kurang lancar.

### **HUBUNGAN ANTARA TAHAP PEMAHAMAN, PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN DENGAN TAHAP PENCAPAIAN BAHASA MELAYU SPM/STPM**

Dapatan ujian tersebut menunjukkan bahawa semakin tinggi atau baik tahap pencapaian bahasa Melayu semasa SPM atau STPM, semakin tinggi tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan pelajar. Walau bagaimanapun, tahap hubungan atau korelasi antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut adalah sangat lemah. Jumlah motivasi pelajar mempunyai kesan yang besar terhadap keazaman pelajar untuk mengumpul tenaga dan meningkatkan percubaan untuk belajar dan melaksanakan aktiviti akademik. Pembelajaran bahasa Melayu pada masa kini yang semakin efektif telah mempengaruhi motivasi, pencapaian dan sikap pelajar ke arah yang lebih positif (Ainun Rahmah et al. 2017). Bahasa Melayu dapat dinaikkan martabat dan statusnya ke tahap yang lebih tinggi apabila data menunjukkan responden yakin akan ilmu bahasa Melayu itu berguna kepada mereka (Mohd Uzir, Rohaidah dan Sharil Nizam 2018). Sebagai contoh, murid-murid tingkatan satu di sebuah sekolah menengah mempunyai sikap yang positif untuk mempelajari bahasa Melayu. Dapat disimpulkan bahawa sesuatu pembelajaran itu bergantung kepada tahap motivasi yang ada pada pelajar, bahkan pada guru.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Berdasarkan hasil dapatan dan perbincangan yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji mendapati bahawa tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan pelajar-pelajar UKM terhadap nilai bahasa Melayu

yang masih berada pada tahap masih kekal jati diri. Walau bagaimanapun, tahap pengamalan secara khususnya berada pada tahap yang membimbangkan apabila tahap interpretasi min semakin menurun jika hendak dibandingkan dengan kajian Zamri et al. (2017). Kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap pengamalan pelajar-pelajar universiti awam berada pada tahap yang tinggi. Oleh yang demikian, tahap pengamalan yang semakin menurun ini mewujudkan permasalahan dan isu yang sangat membimbangkan kerana anak-anak muda ini akan menjadi pemimpin kelak. Implikasi daripada pelaksanaan penyelidikan ini juga memperlihatkan wujud permasalahan yang ketara apabila terdapat perbezaan yang signifikan setelah dianalisis antara tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan nilai bahasa Melayu responden berdasarkan bangsa. Perkara ini juga turut membimbangkan apabila terdapat segelintir kaum-kaum di Malaysia ini masih tidak merasakan kepentingan bahasa Melayu itu sendiri. Aspek perpaduan perlu dipandang serius dan ambil berat oleh semua pihak apabila sesebuah negara tersebut masyarakatnya terdiri daripada pelbagai bangsa.

## **KESIMPULAN**

Bahasa melambangkan sebuah masyarakat dan berperanan sebagai penentu corak lakuan anggota masyarakat. Bahasa menjadi alat komunikasi terpenting dalam masyarakat kerana dapat membentuk peradaban dan ilmu pengetahuan yang disampaikan. Ia menjadi alat untuk menyampaikan sesuatu perkara seperti perasaan, gagasan, hasrat hati, keinginan dan sebagainya. Nirwana dan Zulkifley (2016) mengatakan bahawa bahasa adalah cerminan pemikiran dan kehidupan penutur. Bahasa yang digunakan oleh seorang penutur ia dapat mengungkapkan sikap yang akan ditonjolkan oleh individu tersebut. Sesebuah budaya boleh dipengaruhi oleh pembinaan bahasa yang merupakan lambang dan budaya (Ibrahim dan Maliati 2020).

Jati diri merupakan sesuatu yang unik yang melibatkan sifat atau ciri keperibadian seseorang individu. Seiring dengan peribahasa Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya yang membawa maksud mendidik dan membentuk perlu dilakukan sejak kecil lagi, maka jati diri ini juga perlu dipupuk dan dibentuk sejak awal lagi. Peranan keluarga, iaitu ibu bapa, peranan guru dan sekolah, serta peranan masyarakat sekeliling sangat penting bagi menerapkan nilai jati diri dalam diri mereka. Sesungguhnya para pelajar yang akan menggantikan pemimpin negara kelak adalah khazanah negara yang sangat berharga. Oleh itu, usaha yang berterusan dan berkesan perlu dilaksanakan dengan segera bagi mengekalkan dan meningkatkan jati diri dalam kehidupan masyarakat.

## **PENGHARGAAN**

Penulisan kertas kerja ini adalah sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu yang sedang diusahakan oleh penulis (Muhammad NorHazim bin Izman) bersama penyelia (Prof. Dr. Zamri Mahamod), di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Ainun Rahmah Ibrahah, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah penyelidikan*. New York: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Hairul Anuar Harun & Mohd Azam Sulong. (2022). Perjuangan Hidup Melayu dalam karya M. Nasir: The Malay's life struggle in the works of M. Nasir. *Jurnal PENDETA*, 13(2), 1-16.
- Hidayah Shafiee, Ahmad Fahmi, Abdul Rahmad Abdul Manaf, Kastriafuddin Shah, Abdul Jalil & Zuraidi Ahmad Mokhdzar. (2019). Pengaruh bahasa rojak di media baharu terhadap bahasa kebangsaan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(15), 141-153.

- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil & Maliati Mohamad. (2020). Cabaran pemeraksanaan bahasa Melayu dalam usaha mencapai negara bangsa di Malaysia. *Asian People Journal*, 3(2), 181-191.
- John Dawes. (2008). Do data characteristics change according to the number of scale points used? An experiment using 5-point, 7-point and 10-point scales. *International Journal of Market Research*, 50(1), 61-104.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Uzir Zubir, Rohaidah Kamaruddin & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa Melayu murid tingkatan satu (Junior one loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 82-91.
- Mohamed Ali Haniffa & Ayu Nor Azilah Mohamad. (2022). Penghayatan warganegara Malaysia terhadap lambang kenegaraan Malaysia dan cabaran revolusi perindustrian 4.0: Satu penelitian awal: Malaysian's appreciation towards the country's nationhood symbols and challenges of the 4.0 industrial revolution: A preliminary study. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7(1), 1-9.
- Mohamed Sabir Jamaludin, Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ahmad Nasir Mohd Yusoff & Rosli Mokhtar. (2022). Jati diri dan cabaran kehidupan masyarakat Melayu Muslim di Perth Australia. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 30-38.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145-159.
- Noor Azmira & Nor Azlili. (2019). Pengukuhan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), 19-28.
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaludin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 89-97.
- Nuradlin Syafini Nawi & Zaleha Embong. (2020). Pengaruh dialek dalam komunikasi terhadap tahap keyakinan diri pelajar sekolah menengah di Kota Bharu, Kelantan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1), 26-40.
- Saidatul Khatijah Ismail. (2021). *Penggunaan bahasa rojak dalam aplikasi whatsapp sebagai komunikasi harian*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa.
- Shaharir Mohamad Zain. (2023). Bahasa Melayu juga sumber ilmu: Malay language is also a source of knowledge. *Jurnal PENDETA*, 14(1), 1-22.
- Zamri Mahamod. (2016). *Sosiolinguistik dan pengajaran bahasa*. Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng. (2017). Pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar aliran pendidikan universiti awam. *Jurnal Personalita Pelajar*, 20(1), 1-10.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Shamsudin Othman, Alizah Lambri & Hadi Hassan. (2020). Tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 27-36.